

**J. P.U. 31.**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

[Akta 171]

**UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN PILIHANRAYA  
(MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU) (PINDAAN) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Bandaraya Johor Bahru membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

**Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya (Majlis Bandaraya Johor Bahru) (Pindaan) 2020**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh disiarkan dalam *Warta*.

**Pindaan undang-undang kecil 2**

2. Undang-undang Kecil Iklan Pilihanraya (Majlis Perbandaran Johor Bahru) 1990 [J.P.U. 116/1990] yang disebut sebagai “Undang-Undang Kecil ibu” adalah dipinda dalam undang-undang kecil 2–

(a) dengan menggantikan tafsiran “Majlis” tafsiran yang berikut:

‘ “Majlis” ertinya Majlis Bandaraya Johor Bahru’;

(b) dengan memasukkan selepas tafsiran “Majlis” tafsiran yang berikut:

‘ “bahagian pilihanraya Negeri” ertinya bahagian pilihanraya yang dipersempadankan mengikut Perkara 117 Perlembagaan Persekutuan;

“bahagian pilihanraya Parlimen” ertinya bahagian pilihanraya yang dipersempadankan mengikut Perkara 116 Perlembagaan Persekutuan;

“ejen pilihanraya” ertinya orang yang dilantik di bawah seksyen 12 Akta Kesalahan-Kesalahan Pilihanraya 1954 [Akta 5], oleh seseorang calon untuk pilihanraya sebagai ejennya untuk pilihanraya itu;’

(c) dengan menggantikan tafsiran “hari mengundi” dengan tafsiran yang berikut:

‘ “hari mengundi” berhubung dengan sesuatu pilihanraya, ertinya tempoh, yang mungkin berlanjutan selama satu hari atau lebih, yang bermula dari permulaan hari pemungutan undi dalam pilihanraya itu dijadualkan untuk dimulakan dan yang berakhir pada masa pengisytiharan keputusan pilihanraya itu oleh pegawai pengurus Pilihanraya;’;

(d) dengan menggantikan tafsiran “pilihanraya” dengan tafsiran yang berikut:

‘ “pilihanraya” ertinya pilihanraya Parlimen atau pilihanraya Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan;’;

(e) dengan menggantikan tanda noktah di akhir tafsiran “writ” dengan tanda koma bernoktah;

dan

(f) dengan memasukkan selepas tafsiran “writ” tafsiran yang berikut:

‘ “Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru.’.

### **Pindaan undang-undang kecil 3**

3. Undang-undang kecil 3 Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda—

(a) dengan menomborkan semula undang-undang kecil 3 yang sedia ada sebagai undang-undang kecil 3(1);

(b) dengan menggantikan perkataan “Majlis” dengan perkataan “Datuk Bandar”;

dan

(c) dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 3(1) undang-undang kecil baru yang berikut:

“(2) Dasar-dasar, Pekeliling Kerajaan atau arahan-arahan bertulis daripada Datuk Bandar atau Kementerian atau Jabatan atau Agensi Kerajaan lain yang mana difikirkan patut, sesuai dan dipersetujui oleh Datuk Bandar hendaklah diterima pakai bersama-sama Undang-Undang Kecil ini dari semasa ke semasa.”.

### **Pindaan undang-undang kecil 4**

4. Undang-undang kecil 4 Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda—

(a) Dalam undang-undang kecil 4(1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Majlis” dengan perkataan “Datuk Bandar”;

(ii) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “kawasan” dengan perkataan “bahagian pilihanraya Parlimen dan bahagian pilihanraya Negeri”;

- (iii) dengan memotong perkataan “atau” di akhir perenggan (a);
  - (iv) dalam perenggan (b), dengan menggantikan tanda noktah di akhir perenggan dengan tanda koma bernoktah;
  - (v) dengan memasukkan perkataan “atau” di akhir perenggan (b); dan
  - (vi) dengan memasukkan selepas perenggan (b), perenggan baru yang berikut:
    - “(c) oleh ejen pilihanraya yang dilantik oleh seorang calon untuk pilihanraya itu;”
- (b) dalam undang-undang kecil 4(3), dengan menggantikan perkataan “lima puluh” dengan perkataan “lima ribu”; dan
- (c) dalam undang-undang kecil 4(4), dengan menggantikan perkataan “Majlis” dengan perkataan “Datuk Bandar”.

#### **Pindaan undang-undang kecil 6**

5. Undang-undang kecil 6 Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Majlis” dengan perkataan “Datuk Bandar”.

#### **Pindaan undang-undang kecil 8**

6. Undang-undang kecil 8 Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda–
- (a) dalam undang-undang kecil 8(1), dengan menggantikan perkataan “Majlis” dengan perkataan “Datuk Bandar”;
  - (b) dalam undang-undang kecil 8(1)(a), dengan memotong perkataan “atau” di akhir perenggan;
  - (c) dalam undang-undang kecil 8(1)(b)–
    - (i) dengan menggantikan perkataan “Majlis” dengan perkataan “Datuk Bandar”;
    - (ii) dengan menggantikan tanda noktah di akhir perenggan dengan tanda koma bernoktah; dan
    - (iii) dengan memasukkan perkataan “atau” di akhir perenggan; dan

(d) dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 8(1)(b) undang-undang kecil baharu berikut:

“(c) berlakunya perlanggaran syarat-syarat yang dikenakan oleh Datuk Bandar.”.

### **Pindaan undang-undang kecil 9**

7. Undang-undang kecil 9 Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda–

(a) dalam undang-undang kecil 9(1)–

(i) dengan menggantikan perkataan “Majlis” dengan perkataan “Datuk Bandar”;

(ii) dengan menggantikan perkataan “melucuthakkan” dengan perkataan “melucutkan hak”; dan

(iii) dengan menggantikan perkataan “dilucuthakkan” dengan perkataan “dilucutkan hak”;

dan

(b) dalam undang-undang kecil 9(2), dengan menggantikan perkataan “dilucuthakkan” dengan perkataan “dilucutkan hak”.

### **Pindaan undang-undang kecil 12**

8. Undang-undang kecil 12(2) Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “dua ribu ringgit” dengan perkataan “dan mengenai sesuatu kesalahan yang berterusan, denda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan”.

Diperbuat pada 21 Mac 2018

[MBJB/U/2017/28/UUK/4(8)]

[SUKJ.KT. 24/69/21 JLD. 2(93);

PPUUNJ. 600-1/7/8(2)]

DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD  
*Datuk Bandar*  
*Majlis Bandaraya Johor Bahru*

Disahkan pada 29 Julai 2020

[Ringkasan Mesyuarat Bil. 865/2020]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Johor*

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976**  
[Act 171]

**ELECTION ADVERTISEMENT (JOHOR BAHRU CITY COUNCIL)  
(AMENDMENT) BY-LAWS 2020**

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [Act 171], Johor Bahru City Council makes and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the following by-laws:

**Citation, application and commencement**

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Election Advertisement (Johor Bahru City Council) (Amendment) By-Laws 2020**.

(2) These By-Laws shall apply only to the area of Johor Bahru City Council.

(3) These By-Laws shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

**Amendment of by-law 2**

2. The Election Advertisement (Johor Bahru Municipal Council) By-Laws 1990 [J.P.U. 116/1990] which is referred as the “principal By-Laws” is amended in by-law 2—

(a) by substituting for the definition of “Council” the following definition:  
‘ “Council” means the Johor Bahru City Council’;

(b) by inserting after the definition of “Council” the following definition:  
‘ “State constituency” means a constituency delimited in accordance with Article 117 of the Federal Constitution;

“Parliamentary constituency” means a constituency delimited in accordance with Article 116 of the Federal Constitution;

“election agent” means the person appointed under section 12 of the Election Offences Act 1954 [Act 5] by a candidate for election to be his agent for such election;’

(c) by substituting for the definition of “polling day” the following definition:

‘ “polling day” in relation to an election, means the period, which may extend over one or more days, commencing from the commencement of the day on which the taking of polls in that election is scheduled to commence and ending at the time of the declaration by the returning officer of the result of the election;’;

(d) by substituting the definition of “election” the following definition:

‘ “election” means a Parliamentary election or a State election, as the case may be;’;

- (e) by substituting the full stop at the end of the interpretation of “writ” with semi colon;

and

- (f) by inserting after the definition of “writ” the following definition:

‘ “Mayor” means the Mayor of the Johor Bahru City Council.’.

#### **Amendment of by-law 3**

3. By-law 3 of the principal By-Laws is amended—

- (a) by renumbering the existing by-law 3 as by-law 3(1);

- (b) by substituting the word “Council” the word “Mayor”;

and

- (c) by inserting after by-law 3(1) the following new by-law:

“(2) Policies, Government Circular or written instruction from the Mayor or Ministries or Departments or other Government Agencies where it thinks fit, appropriate and agreed to by the Mayor shall be used in conjunction with these By-Laws from time to time.”.

#### **Amendment of by-law 4**

4. By-law 4 of the principal By-Laws is amended—

- (a) in by-law 4(1)—

- (i) by substituting the word “Council” the word “Mayor”;

- (ii) in paragraph (a), by substituting the words “relevant constituency” the words “related Parliamentary constituency and State constituency”;

- (iii) by deleting the word “or” at the end of paragraph (a);

- (iv) in paragraph (b), by substituting the full stop at the end of paragraph with semi colon;

- (v) by inserting the word “or” at the end of paragraph (b); and

- (vi) by inserting after paragraph (b), the new paragraph:

“(c) by an election agent appointed by a candidate for that election;”

- (b) in by-law 4(3), by substituting the word “fifty” the words “five thousand”;

and

- (c) in by-law 4(4), by substituting the word “Council” the word “Mayor”.

**Amendment of by-law 6**

5. By-law 6 of the principal By-Laws is amended by substituting the word “Council” the word “Mayor”.

**Amendment of by-law 8**

6. By-law 8 of the principal By-Laws is amended–

- (a) in by-law 8(1), by substituting the word “Council” the word “Mayor”;
- (b) in by-law 8(1)(a), by deleting the word “or” at the end of paragraph;
- (c) in by-law 8(1)(b)–
  - (i) by substituting the word “Council” the word “Mayor”;
  - (ii) by substituting the full stop at the end of paragraph with semi colon; and
  - (iii) by inserting the word “or” at the end of paragraph;  
and
- (d) by inserting after paragraph 8(1)(b) the following new by-law:
  - “(c) there is any contravention with any conditions imposed by the Mayor.”.

**Amendment of by-law 9**

7. By-law 9 of the principal By-Laws is amended in by-law 9(1) by substituting the word “Council” the word “Mayor”.

**Amendment of by-law 12**

8. By-law 12(2) of the principal By-Laws is amended in by inserting after the words “two thousand ringgit” the words “and in the case of continuing offence, a further fine not exceeding two hundred ringgit for each day during which the offence is continued after the conviction”.

Made the 21 March 2018  
[MBJB/U/2017/28/UUK/4(8)]  
[SUKJ.KT. 24/69/21 JLD. 2(93);  
PPUUNJ. 600-1/7/8(2)]

DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD  
*Mayor*  
*Johor Bahru City Council*

Confirmed the 29 July 2020  
[Ringkasan Mesyuarat Bil. 865/2020]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF  
*Clerk of the State Executive Council*  
*Johore*